DIALEKTOLOGI MELAYU

Mohd Rashid Haji Md Idris, Seri Lanang Jaya Haji Rohani,
Siti Khariah Mohd Zubir, Mohd Rain Shaari, Abdullah Yusof
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

PENGENALAN

Makalah ini adalah hasil penyelidikan tentang masyarakat Melayu yang merupakan penduduk majoriti di negara ini. Mereka terdiri daripada pelbagai keturunan seperti Melayu, Banjar, Jawa, Minang, Patani, Bugis, Mandalin, Rao, Suluk, Bajau, dan sebagainya. Setiap keturunan Melayu ini memiliki sub-bahasa atau varian yang tersendiri. Sub-bahasa atau kepelbagaian bahasa ini disebut dalam bidang linguistik sebagai dialek (*dialect*). Kewujudan pelbagai dialek di Malaysia merupakan sesuatu yang amat unik dan perlu dipelihara sebagai suatu khazanah yang berharga.

Namun, perubahan masa telah sedikit sebanyak mengancam dialek-dialek Melayu di Malaysia. Ini dapat dilihat apabila pelbagai kosa kata yang terdapat dalam dialek-dialek Melayu semakin jarang diguna pakai oleh penutur jatinya sendiri. Menyedari kepentingan bahawa dialek-dialek Melayu adalah khazanah yang amat berharga, maka penyelidikan ini akan mengkaji dan mendokumentasi kosa kata dialek-dialek ini supaya generasi seterusnya dapat mempelajari kepelbagaian kosa kata yang terdapat dalam sesuatu dialek itu.

Beberapa kajian tentang dialek-dialek Melayu telah dilakukan oleh beberapa pengkaji, antaranya Ajid Che Kob (1985), James T. Collins (1983), Rafiza Abd. Rashid (2000), Tajul Aripin Kassin (2009), dan Nuwairi Haji Khaza'ai (2006). Kajian-kajian ini antaranya meneliti dialek Pasir Mas (Kelantan), dialek Ulu Terengganu, dialek Melayu Perak, dan dialek Melayu Kedah. Namun, kajian-kajian ini memerlukan kajian lanjutan, dan yang paling ketara tiadanya usaha menyusun kamus dialek sehingga hari ini. Hal ini yang menjadi matlamat kepada penyelidikan ini.

Metodologi yang bakal digunakan melibatkan kaedah lapangan dan kaedah kepustakaan. Kerangka Teori Relevans (*Relevance Theory*) oleh Sperber & Wilson (1985) diaplikasikan dalam penyelidikan ini. Prinsip asas teori relevans ialah setiap manusia berkomunikasi dengan berorientasikan relevan. Prinsip utama teori ini adalah konteks dan kesan konteks. Kewajaran Teori Relevans dipilih sebagai kerangka teori penyelidikan ini ialah dengan anggapan bahawa penggunaan sesuatu kota kata dalam sesuatu dialek itu sangat berkait dengan konteks kehidupan dalam masyarakat dialek itu sendiri. Penggunaan teori tersebut diharapkan akan mewujudkan suatu analisis yang tepat dan memenuhi prinsip kepadaan (*adequate*) dalam penyelidikan linguistik.

Objektif yang ingin dicapai dalam penyelidikan ini adalah mengkaji kosa kata dialek-dialek Melayu daripada aspek perkataan (morfologi) dan makna (semantik), membuat pemetaan sempadan dialek (isoglos) dengan sistematik, dan juga menerbitkan sebuah kamus dialek, iaitu yang berjudul "Kamus Dialek Melayu". Jangkaan hasil penyelidikan adalah penemuan baharu pelbagai kosa kata yang terdapat dalam pelbagai dialek Melayu di Malaysia antara 30 hingga 100 ribu kosa kata. Potensi penerbitan hasil penyelidikan, iaitu "Kamus Dialek Melayu" akan menjadi rujukan utama kepada penggubal peristilahan baharu seperti sains, teknologi, dan pinjaman kosa kata asing.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif yang ingin dicapai dalam penyelidikan ini adalah seperti berikut:

1. Mengkaji kosa kata dialek-dialek Melayu daripada aspek perkataan (morfologi) dan makna (semantik).
2. Membuat pemetaan dialek bagi menunjukkan sempadan dialek (isoglos) dengan tepat dan sistematik.
3. Menerbitkan sebuah kamus dialek, yang berjudul "Kamus Dialek Melayu".

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengumpulkan entri-entri dialek Melayu yang terdapat di setiap negeri di Malaysia berserta dengan maksud agar dapat diketahui oleh masyarakat tentang kosa kata dialek yang disampaikan oleh penutur jati di negeri tersebut. Selain itu, bahan kajian ini akan dapat menambahkan lagi koleksi kajian tentang dialek-dialek Melayu yang terdapat di Malaysia. Pengumpulan entri yang dilakukan juga dapat membantu menambahkan lagi entri yang boleh diguna pakai dalam bahasa Melayu standat.

Di samping itu juga, kajian ini bertujuan menghurai dan memberi penjelasan tentang beberapa dialek Melayu di Malaysia. Setiap dialek dilatari dan diwarnai dengan sejarah masing-masing. Kepelbagaian dialek Melayu yang diwariskan oleh penutur purba itu harus dijunjung sebagai pusaka dan khazanah ternilai. Dialek tempatan ini wujud di mana-mana sahaja asalkan wujudnya perbezaan daripada segi kedudukan ataupun kelas dalam sesuatu komuniti itu dan juga taburan penduduk penuturan sesuatu bahasa itu meliputi kawasan yang agak luas. Perkara yang menimbulkan kepelbagaian bentuk dalam sesuatu dialek itu adalah disebabkan oleh pelbagai faktor. Banyak kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa keadaan sosial merupakan faktor terpenting wujudnya bentuk linguistik yang berbeza.

KONSEP DIALEK

Dialek ialah satu bentuk bahasa yang digunakan dalam sesuatu daerah atau oleh sesuatu kelas sosial, berbeza daripada bahasa standard, loghat, pelat daerah, negeri dan selainnya (*Kamus Dewan*, 1996:302). Manakala Nik Safiah Karim (*Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu*, 1981:15) pula mendefinisikannya sebagai jenis-jenis bahasa yang ditentukan mengikut wilayah. Dialek ialah variasi daripada satu bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam sesebuah masyarakat atau komuniti bahasa (Kamarudin Husin, 4:1997). Keadaannya berbeza daripada bentuk bahasa yang standard sama ada daripada segi sebutan, perbendaharaan kata dan tatabahasa. Dalam kelainan bahasa menerusi sistem bahasa, dialek terbahagi kepada dua jenis, iaitu dialek geografi dan dialek sosial.

Dialek geografi ini merupakan sejenis kelainan bahasa yang ditentukan berdasarkan ruang geografi tempat menetapnya penutur kelainan berkenaan. Konsep ruang geografi dialek dikenali sebagai ruang geografi linguistik, iaitu kawasan tempat satu kelainan bahasa yang sama dituturkan. Sempadan kawasan geografi linguistik ini ditandai satu garisan yang dikenali sebagai isoglos. Pada garisan ini mungkin akan berlaku percampuran beberapa dialek sehingga membentuk jaringan isoglos. Di Malaysia, nama dialek telah disejajarkan dengan nama negeri tempat dialek tersebut dituturkan seperti dialek Kelantan, dialek Terengganu, dialek Pahang, dialek Perak dan sebagainya.

Dialek sosial pula wujud akibat daripada faktor sosial dan jurang taraf sosial seperti golongan istana, rakyat biasa, dan golongan pelajar. Namun begitu, dalam konteks sosiolinguistik, pentakrifan dialek geografi sering diasingkan dengan dialek sosial. Secara amnya dalam setiap peristiwa bahasa, penggunaan bahasa dipengaruhi satu atau lebih daripada komponen sosial seperti orang yang bertutur dan lawannya, latar belakang

tempat, topik dan fungsi. Di samping itu, dialek sosial ini juga disebut sebagai laras bahasa, iaitu variasi bahasa yang berkaitan dengan penggunaan bahasa berkenaan (Kamarudin Hj. Husin, 6:1997). Laras bahasa ini merupakan variasi-variasi yang telah dipilih untuk digunakan dalam situasi tertentu dalam kehidupan seharian.

Dialek biasanya dikenali sebagai satu ragam bahasa yang dapat dibezakan dengan tegas daripada ragam-ragam lain berdasarkan ciri penyebutan kosa kata, dan tatabahasa ragam bahasa ini terdapat dalam daerah geografi tertentu dan dalam suasana sosial tertentu. Dalam sesuatu komuniti tertentu terdapat dua jenis dialek, iaitu dialek sosial dan dialek tempatan. Bahasa Melayu mempunyai dialek sosial dan dialek tempatan. Dialek sosial dan tempatan wujud di mana-mana sahaja asalkan wujud perbezaan daripada segi kedudukan ataupun kelas dalam sesuatu komuniti bahasa itu, dan juga taburan penutur sesuatu bahasa itu meliputi satu kawasan yang agak luas. Dalam satu dialek daerah yang luas, dialek-dialek yang berdekatan biasanya mempunyai lebih banyak persamaan daripada yang berjauhan letaknya, kadang-kadang begitu besar hingga sukar bagi penutur-penutur memahami diantara satu sama yang lain seperti yang berlaku diantara dialek Kelantan dengan dialek Johor. Namun demikian, orang Johor akan tetap berhubung dan saling memahami orang-orang Kelantan (Nik Safiah Karim, 1992: 12).

PERKAMUSAN

Kamus ialah sejenis buku rujukan yang menerangkan makna kata-kata serta berfungsi untuk membantu para pengguna mengenal perkataan baharu. Selain menerangkan maksud kata, kamus juga mempunyai panduan sebutan, asal usul (etimologi) sesuatu perkataan dan juga contoh penggunaan bagi sesuatu perkataan. Kamus ialah buku yang mengandungi makna atau takrif kepada kata. Dengan perkataan lain, tiada jalan lain kecuali memberi makna kepada sesuatu lambang dengan menggunakan lambang itu sendiri (Asmah Haji Omar, 1987: 5). Selain itu, kamus merupakan sebuah buku rujukan yang mengandungi kata-kata daripada sesuatu bahasa yang disusun mengikut abjad, diberi makna dan keterangan lain mengenai kata tersebut (Ibrahim Ahmad, 1992: 38).

Tradisi penyusunan kamus di rantau ini amat berbeza daripada tradisi penyusunan kamus di negara Barat. Penyusunan kamus di rantau ini bermula daripada daftar kata, glosari, pembentukan tatabahasa dan kamus dwibahasa yang berkembang terus menjadi ekabahasa. Para sarjana bahasa berpendapat bahawa sejarah lahirnya perkamusan Melayu adalah dalam bentuk dwibahasa. Menurut catatan sejarah, kamus Melayu yang terawal dan tertua bersifat daftar kata ialah *Himpunan 482 kata Melayu-Cina* yang dikumpulkan pada sekitar tahun 1403M hingga 1511M. Penemuan ini diikuti pula dengan penyusunan

426 daftar kata bahasa Itali-Melayu yang disusun oleh Antonio Pigafetta pada tahun 1522. Inilah titik awal bermulanya perkamusan bahasa Melayu dengan bahasa Eropah. Menjelang abad yang ke-17, muncul pula kamus-kamus lain yang dihasilkan oleh orang Belanda. *Kamus Belanda-Indonesia* susunan Frederick de Houtman pada tahun 1603 dianggap kamus terawal yang pernah dihasilkan oleh ahli sarjana Belanda. Kamus ini mengandungi perbendaharaan kata bahasa Melayu dan Madagaskar.

Kamus bukanlah sekadar buku yang digunakan apabila kita mahu mencari satu perkataan baharu. Kamus bukan hanya untuk mendapatkan sesuatu makna perkataan tetapi kamus berupaya menerangkan fungsi perkataan dalam ayat-ayat dan membolehkan seseorang pengguna dapat menggunakannya sendiri dengan tepat dan sesuai. Kamus dapat digunakan untuk memahami singkatan perkataan, mengesan dengan tepat perkataan mengikut konteks dan memahami ciri-ciri ketatabahasaan yang terdapat di dalam kamus.

Kamus sering memuatkan beribu-ribu patah perkataan yang memberikan maksud dan contoh penggunaan perkataan tersebut dalam ayat. Misalnya, *Kamus Dewan* disifatkan sebagai kamus yang paling utama yang menjadi pegangan makna kosa kata bahasa Melayu. Kamus ini menjadi rujukan penting dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu (Ibrahim Ahmad, 1992: 38). *Kamus Dewan* menjadi pengukur dalam menentukan tingkat kecekapan dan penggunaan bahasa yang tinggi, khususnya daripada segi pemerian makna atau takrifan.

FORMAT PENYUSUNAN KAMUS

Mengikut susunan kamus konvensional, kebanyakan kamus disusun mengikut abjad. Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa susunan kamus bersinonim dengan susunan abjad. Namun begitu, terdapat juga karya rujukan yang disusun secara tematik. Jika konsep mengikut abjad berlandaskan kerangka kronologi A-Z secara mengufuk, kaedah tematik pula sebaliknya. Kaedah tematik tidak terikat dengan susunan secara kronologis abjad A-Z, tetapi lebih berdasarkan topik dan pengelompokan domainnya. Terdapat pandangan yang berbeza tentang kamus yang disusun secara abjad atau tematik. Kamus yang disusun secara tematik dapat menerobos ke dalam struktur kosa kata yang tidak dapat dilakukan oleh kamus yang disusun mengikut abjad (Ibrahim Ahmad, 2005: 23).

Kaedah secara tematik menerapkan pendekatan onomasiologi (kajian tentang sinonimi dan polisemi) bermula daripada konsep atau makna bandingan bentuk (kata). Sehingga kini ratusan kamus yang dihasilkan masih mengikut susunan abjad.

Hal ini berlaku demikian kerana kaedah ini merupakan kaedah terbaik untuk mencapai maklumat seperti yang diingini oleh pengguna kamus. Hal ini dapat dibuktikan dengan berdasarkan kamus-kamus yang telah ada di pasaran yang sebahagian besar berpegang kepada konsep penyusunan mengikut abjad. Kaedah penyusunan mengikut abjad dianggap paling mudah dan terpantas kepada pengguna kamus, terutamanya apabila digunakan untuk tujuan pengeyahkodan. Berikut merupakan contoh format penyusunan kamus mengikut abjad yang pada kebiasaannya terdapat dalam kamus:

Jadual 1: Penyusunan Kamus Mengikut Abjad

a, A I huruf pertama abjad Rumi.
a II sr 1. untuk melahirkan kegirangan atau menyatakan persetujuan: *itu dia,~, macam itulah caranya;* 2. utk menunjukkan terlupa akan sesuatu:
nama bukunya ...~, nanti saya cuba ingatkan!
AA kep Asia-Afrika.

PEMETAAN DIALEK MELAYU

Pemetaan dialek adalah kaedah yang bertujuan menempatkan dialek-dialek dari sesuatu bahasa dalam ruang geografinya. Perkara-perkara yang dihasilkannya ialah peta-peta yang menunjukkan penyebaran ciri-ciri tertentu dalam dialek-dialek yang ada dan pembahagian dialek kepada beberapa subdialek. Contohnya kawasan dialek Kedah boleh dibahagikan kepada subkawasan-subkawasan lembah Kedah, Pulau Langkawi, Perlis, Pulang Pinang dan sebagainya. Pemetaan ini bertitik tolak daripada perbandingan sistem-sistem bahasa, iaitu fonologi, kata, morfologi, sintaksis dan leksiko-semantik. Pemetaan dialek yang banyak dilakukan ke atas bahasa sehingga kini merupakan pemetaan fonologi, kata atau leksiko-semantik.

Pemetaan mempunyai teknik-teknik yang tersendiri dalam menghubungkan ciri-ciri persamaan dengan menggunakan garis atau lambang-lambang seperti segi tiga, bulatan, titik dan sebagainya. Pilihannya adalah menurut cita rasa penyelidik mengikut sukar atau mudah proses pencetakannya (Asmah Haji Omar, 1993: 115). Garis penghubung ciri-ciri persamaan itu disebut isoglos. Garis isoglos juga dikenali sebagai garisan yang dilukis pada peta untuk melingkungi kawasan yang mempunyai ciri linguistik yang sama. Penggunaan lambang-lambang seperti bulatan, segi tiga, titik dan sebagainya boleh menunjukkan sut atau kawasan penyebaran.

Malaysia merupakan kawasan yang pada amnya memperlihatkan kawasan-kawasan dialek Melayu yang saling bersambung antara satu sama lain dan disela dengan kawasan gunung-ganang dan hutan rimba. Di samping itu, terdapat kawasan selaan yang mengisi bahasa yang lain. Pada kawasan-kawasan tertentu, Malaysia mempunyai kawasan selaan yang dihuni oleh bahasa orang asli dan kebanyakannya terdapat di kawasan pedalaman. Di kawasan lain pula terdapat kawasan yang ditempati dengan bahasa asing tetapi serumpun dengan bahasa Melayu. Contohnya bahasa Jawa di Johor, bahasa Aceh di Yan Kedah dan Mandailing yang terdapat di Perak.

SOROTAN KAJIAN LAMPAU

Kajian berkaitan dialek-dialek Melayu telah mendapat sambutan dan dikaji secara meluas oleh pengkaji-pengkaji bahasa sama ada pengkaji tempatan mahupun pengkaji barat. Malah dialek Kelantan, Terengganu, Kedah, Sabah dan Sarawak telah lama dikaji sama ada kajian dibuat secara menyentuh mengenai aspek keanehan dialek tersebut, daripada segi fonetik dan fonologi, daripada segi sintaksis, dan juga daripada segi pengaruh atau kesan penggunaan dialek-dialek tersebut kepada penutur-penutur yang berasal dari Kelantan, Terengganu, Kedah, Sabah dan Sarawak. Kajian-kajian yang dilakukan ini telah banyak membantu pengkaji-pengkaji yang lain untuk membuat penyelidikan berkaitan dengan dialek-dialek tersebut dan membantu menyelesaikan masalah-masalah yang timbul ekoran pengaruh dialek negeri tersebut. Dalam konteks ini, jelaslah menunjukkan bahawa dialek Kelantan, Terengganu, Kedah, Sabah dan Sarawak mempunyai keanehan yang tersendiri yang boleh dikaji daripada pelbagai sudut sama ada daripada sudut negatif mahupun positif. Hal ini jelas terbukti melalui kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji bahasa yang menyentuh pelbagai aspek sama ada aspek fonologi, morfologi, ayat, dan leksikal.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah lapangan, iaitu pengkaji perlu pergi ke lokasi tertentu untuk mendapatkan data kajian. Selain kaedah lapangan, kaedah perpustakaan juga diguna pakai, terutama bagi memenuhi aspek kajian literatur.

KAJIAN PERPUSTAKAAN

Kajian perpustakaan ialah kajian yang memerlukan pengkaji untuk mencari bahan dalam bentuk bacaan seperti buku, jurnal, majalah, artikel, tesis dan sebagainya yang terdapat di

perpustakaan. Kaedah perpustakaan ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci tentang tajuk yang akan dikaji. Bahan ilmiah yang diperoleh akan diteliti dan dibuat perbandingan sama ada bahan tersebut saling berkaitan dengan tajuk ataupun tidak. Selain mendapatkan maklumat dan bahan rujukan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), pengkaji juga turut ke Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Arkib Negara Malaysia untuk mencari bahan-bahan yang berkenaan dengan dialek-dialek Melayu.

KAJIAN INTERNET

Kajian internet merupakan salah satu langkah untuk pengkaji mendapatkan maklumat yang lebih lanjut mengenai tajuk kajian, iaitu dialek-dialek Melayu. Pengkaji hanya perlu mencari bahan di laman-laman sesawang yang berkaitan dengan tajuk. Antaranya ialah pengkaji boleh melayari laman wikipedia, blog, artikel, jurnal dan sebagainya yang berkaitan dengan dialek. Sememangnya dunia hari ini ialah dunia tanpa sempadan yang memudahkan manusia untuk memperoleh data. Kajian internet sangat membantu pengkaji dalam memperoleh maklumat lanjut mengenai kosa kata bagi dialek-dialek Melayu yang terdapat di setiap negeri.

KAJIAN LAPANGAN

Kajian lapangan juga membantu pengkaji untuk menyelidik secara tepat dan mendalam mengenai asal usul dan kosa kata daripada generasi pelapis dialek-dialek Melayu di setiap negeri. Pengkaji akan turun padang ke semua negeri untuk mengadakan sesi temu ramah dengan responden dan mendapatkan maklumat yang lebih lanjut mengenai dialek-dialek Melayu yang terdapat di setiap negeri.

KERANGKA TEORI

Teori relevans telah dicadangkan oleh Sperber dan Wilson (1986) bagi menggantikan teori Grice. Teori relevans mencakupi fakta tentang pembentukan dan pemilihan konteks serta prinsip relevans. Teori ini juga menekankan aspek perbualan lisan, kesan poetik, dimensi penggunaan bahasa daripada segi deskriptif dan interpretif, ujaran literal, metafora, ujaran gemaan, ironi, dan juga pertuturan (*speech acts*). Teori ini lebih menekankan bentuk komunikasi yang dapat difahami antara penutur dan pendengar. Selain itu, penutur seharusnya dapat menjamin perkara yang diperbualkan itu benar-benar relevan serta sesuai untuk difahami oleh pendengar. Dengan kata lain, penutur dapat memastikan bahawa maklumat yang diperkatakan itu mempunyai ciri-ciri relevan

yang optimal. Relevan yang optimal bermaksud setiap ujaran itu mempunyai kesan-kesan konteks yang maksimum yang dapat dirumuskan dalam masa sesingkat mungkin. Dengan itu, konteks haruslah seimbang dengan masa memproses bagi menghasilkan kandungan maklumat yang diharapkan. Apabila sesuatu ujaran disampaikan, menjadi tanggungjawab si penutur untuk menjamin maklumat yang disampaikan itu relevan dan setimpal dengan perhatian yang diberikan oleh pendengar apabila diproses mengikut konteks. Bagi pendengar dia cuba untuk memperoleh kesan konteks yang mencukupi dan kesan ini mestilah mudah untuk diperoleh. Kerjasama yang erat ini memungkinkan maklumat dapat disampaikan dengan mudah bagi penutur dan bagi pihak pendengar pula dapat menerima maklumat yang tepat dan jitu. Untuk memproses maklumat dengan tepat, teori relevan telah menetapkan tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan konteks dan kos memproses. Tiga gagasan ini dibantu oleh sub-gagasan yang lain, iaitu pengayaan, pemilihan rujukan, dan penyahtaksaan maklumat bagi melicinkan penginterpretasian makna.

DAPATAN KAJIAN

Seterusnya, dibincangkan dapatan hasil kajian yang diperoleh serta lebih menumpukan perbincangan berdasarkan penelitian yang dibuat ke atas kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Dapatan kajian ini adalah berkaitan dengan kajian tentang (morfologi) kosa kata, (makna) kosa kata dan pemetaan dialek-dialek Melayu di setiap negeri, dan seterusnya menerbitkan sebuah kamus dialek yang berjudul "Kamus Dialek-dialek Melayu".

PENGELASAN KOSA KATA DIALEK

Pengelasan kosa kata merupakan salah satu cara untuk memperoleh dapatan dalam kajian ini. Pengelasan kosa kata dialek-dialek Melayu yang telah dikumpul oleh pengkaji akan diterbitkan dalam kamus, dan akan didrafkan dalam bahagian lampiran. Penemuan pelbagai kosa kata yang terdapat dalam pelbagai dialek Melayu akan diterbitkan dengan judul "Kamus Dialek Melayu". Dijangkakan terdapat di antara 30 hingga 100 ribu kosa kata dialek yang selama ini tidak pernah ditulis atau dirakamkan dalam kamus Melayu seperti *Kamus Dewan* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, akan ditemui dalam kajian ini. Perkataan-perkataan yang dimuatkan dalam kamus ini disusun mengikut urutan abjad kata dasarnya. *Kamus Dewan* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dijadikan sebagai rujukan utama. Penyusunan kosa kata bermula daripada abjad A dan berakhir dengan abjad Z. Dalam dapatan kajian ini, pengkaji telah mengambil contoh penyusunan abjad *Kamus Dewan,* dan susunannya adalah seperti berikut:

Jadual 2: Pengelasan Kata dalam *Kamus Dewan*

A

a, A I huruf pertama abjad Rumi.

a II sr 1. utk melahirkan kegirangan atau menyatakan persetujuan: *itu dia, ~, macam itulah caranya!;* 2. utk menunjukkan terlupa akan sesuatu: *nama bukunya ...~, nanti saya cuba ingatkan!*

AA kep Asia-Afrika.

Melalui kajian pengkaji terhadap kosa kata dialek dengan kosa kata yang terdapat dalam *Kamus Dewan*, terdapat beberapa perbezaan di antara kedua-duanya. Pemerolehan kosa kata *Kamus Dewan* lebih banyak berbanding dengan kamus dialek. Contohnya abjad A. Sebanyak 97 muka surat telah ditulis mengenai abjad A dalam *Kamus Dewan* berbanding dengan kamus dialek, kebanyakannya hanya satu hingga tiga halaman sahaja. Hal ini berlaku demikian kerana bahasa Melayu telah memperoleh banyak kosa kata sejak dahulu lagi dan dikumpulkan sehingga hari ini.

Pemerolehan ini termasuklah melalui kata pinjaman daripada bahasa lain. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan bahasa Melayu memperoleh banyak kosa kata. Antaranya ialah hubungan perdagangan dengan dunia luar, perkahwinan, migrasi dan bahasa Melayu itu sendiri yang bersifat *lingua franca*. Maka, tidak hairanlah bahasa Melayu mempunyai peluasan kosa kata yang banyak berbanding dengan bahasa dialek yang hanya dituturkan oleh golongan-golongan tertentu sahaja.

Pengelasan kosa kata bagi setiap dialek biasanya mempunyai satu makna dan terdapat juga kata yang mengandungi dua makna. Berbeza dengan *Kamus Dewan* yang kadang kala mengandungi sehingga tujuh makna bagi satu perkataan. Contoh di bawah ini merupakan kosa kata dialek Jawa yang mengandungi satu dan dua makna.

Jadual 3: Kosa Kata Dialek Jawa (satu makna)

abang [abaŋ] merah: baju yang dipakai oleh emak berwarna ~.

Jadual 4: Kosa Kata Dialek Jawa (dua makna)

ambrah [ambrah] 1. lebar: kawasan jalan raya yang sempit itu telah menjadi ~. 2 luas: lautan yang ~ mampu menenangkan jiwa. (dua makna)

Manakala contoh di bawah merupakan kosa kata daripada *Kamus Dewan* yang mengandungi tujuh makna bagi satu kosa kata.

Jadual 5: Kosa Kata *Kamus Dewan*

juga 1. (digunakan untuk menyatakan keadaan yang sama atau serupa) pun: *ada ~ orang yang tahu perkara itu; badannya tegap , adiknya ~ demikian;* **2.** (digunakan selepas kata sifat) agak: *gadis itu cantik~, tetapi tidaklah secantik emaknya;* **3.** (digunakan untuk menunjukkan perulangan) lagi: dulu saya yg menolongnya, *sekarang saya ~ yg menolongnya;* **4.**(digunakan untuk menunjukkan perbuatan terus menerus) terus: *walaupun dilarang dia masih ketawa ~; Chia telah mati di situ ~;* **5**. (digunakan untuk menunjukkan tolak ansur) meskipun, *walaupun; sesiapa ~ yg datang, saya mengalu-alukannya;* **6**. (biasanya digunakan selepas kata penghubung tetapi atau utk menunjukkan tokokan): *kamu bukan sahaja mesti belajar dgn tekun tetapi ~ mesti belajar dengan tekun tetapi ~ mesti berbaik-baik antara satu sama lain;* **7.** (digunakan bersama dengan pun sbg penegas): *saya berpuasa, dia pun berpuasa ~.* **jua**

Melalui dapatan pengkaji mengenai kosa kata dialek ini, terdapat juga beberapa perkataan dialek yang telah diserap masuk ke dalam *Kamus Dewan* untuk digunakan sebagai kosa kata bahasa Melayu. Contohnya seperti di bawah.

Rajah 6: Kosa Kata Dialek yang Diserap Masuk ke dalam *Kamus Dewan*

Dialek	Kamus Dialek	Kamus Dewan
Jawa	**babat** perut lembu.	**babat III** perut lembu (kerbau dll).
Bugis	**dongok** bodoh	**dongok** 1. tidak seimbang (bukan bentuk badan), gemuk, pendek. 2. tolol, bodoh, tongong, dungu.
Banjar	**laki** suami	**laki I** (kurang halus) suami, pasangan hidup bini.

FONOLOGI DIALEK

Bunyi ialah kesan yang didengar oleh telinga yang berlaku apabila udara daripada paru-paru keluar melalui pita suara ke rongga tekak. Kemudian, terus keluar ke rongga mulut atau rongga hidung. Semasa udara keluar melalui rongga tekak dan rongga mulut atau rongga hidung, udara mungkin mengalami gangguan atau sekatan atau mungkin tidak. Udara yang keluar dalam bentuk gelombang itu mengenai bahagian gegendang telinga dan terhasillah bunyi. Fonologi ialah kajian yang menentukan sistem bunyi satu-satu bahasa dengan berdasarkan jenis-jenis bunyi sama ada bunyi itu distingtif (membezakan makna) atau tidak distingtif (tidak membezakan makna).

Matlamat akhir bidang fonologi ialah menentukan sistem bunyi atau menentukan huruf-huruf atau fonem-fonem tertentu yang seterusnya mewujudkan sistem ejaan bagi sesuatu bahasa (Abdul Hamid Mahmood dan Nurfarah Lo Abdullah, 2007: 17). Selain itu, fonologi ialah mengkaji bunyi-bunyi yang berfungsi dalam sesuatu bahasa itu (Abdullah Hassan, 1993:40). Melalui kajian yang telah dijalankan mengenai dialek Jawa, Bugis dan Banjar, fonologi ialah salah satu aspek yang penting untuk mengenal pasti sebutan bagi setiap dialek. Fonologi yang dapat dikaji ini akan mengembangkan lagi tahap pemahaman pembaca mengenai dialek yang dituturkan. Di sini pengkaji mengambil contoh fonologi dalam dialek Jawa, Bugis dan Banjar untuk memantapkan lagi kefahaman para pembaca dan pengkaji lain.

FONOLOGI DIALEK JAWA

Fonologi dialek Jawa terbahagi kepada sistem vokal dan konsonan. Semua vokal kecuali /ə/, memiliki alofon. Fonem /a/ pada posisi tertutup dilafazkan sebagai [a], namun begitu, pada posisi terbuka sebagai [ɔ]. Contoh: /lara/ (sakit) dilafazkan sebagai [l'ɔrɔ], tetapi /larane/ (sakitnya) dilafazkan sebagai [l'arane]. Fonem /i/ pada posisi terbuka dilafazkan sebagai [i] namun pada posisi tertutup lafaznya kurang lebih mirip [e]. Contoh: /panci/ dilafazkan sebagai [p'aɲci], tetapi /kancil/ kurang lebih dilafazkan sebagai [k'aɲcel]. Fonem /u/ pada posisi terbuka dilafazkan sebagai [u], namun pada posisi tertutup lafaznya sama dengan bunyi [o]. Contoh: /wulu/ (bulu) dilafazkan sebagai [w'ulu] , tetapi /ʈuyul/ (tuyul) dilafazkan sebagai [ʈ'uyol]. Fonem /e/ pada posisi terbuka dilafazkan sebagai [e], namun pada posisi tertutup sebagai [ɛ]. Contoh: /lele/ dilafazkan sebagai [l'ele], tetapi /bebek/ dilafazkan sebagai [b'ɛbɛʔ]. Fonem /o/ pada posisi terbuka dilafazkan sebagai [o], namun pada posisi tertutup sebagai [ɔ]. Contoh: /loro/ dilafazkan sebagai [l'oro], tetapi /boloŋ/ dilafazkan sebagai [b'ɔlɔŋ].

Manakala sistem konsonan pula ialah fonem /k/ memiliki sebuah alofon. Pada posisi terakhir, dilafazkan sebagai [ʔ], sedangkan pada posisi tengah dan awal tetap sebagai [k]. Fonem /n/ memiliki dua alofon. Pada posisi awal atau tengah apabila berada di depan fonem eksplosiva palatal atau retrofleks, maka fonem sengau ini akan berubah sesuai menjadi fonem homorgan. Kemudian apabila fonem /n/ mengikuti sebuah /r/, maka akan menjadi [ɳ] (fonem sengau retrofleks). Contoh: /panjaŋ/ dilafazkan sebagai [p'aɲjaŋ], lalu /andap/ dilafazkan sebagai [ʔ'aɳdap]. Kata /warna/ dilafazkan sebagai [w'arɳɔ]. Fonem /s/ memiliki satu alofon. Apabila /s/ mengikuti fonem /r/ atau berada di depan fonem eksplosiva retrofleks, maka akan direalisasikan sebagai [ʂ]. Contoh: /warsa/ dilafazkan sebagai [w'arʂɔ], lalu /esʈi/ dilafazkan sebagai [ʔ'eʂʈi].

Berdasarkan penerangan di atas, pengkaji telah mengambil beberapa contoh kosa kata yang telah disusun mengikut sebutan fonologinya. Berikut merupakan beberapa kosa kata Jawa dengan fonologinya.

Jadual 7: Fonologi Dialek Jawa

Dialek	Fonologi	Makna
bebek	[bɛbɛʔ]	itik
gebo	[gë.bo]	selimut
ngduk	[ŋduʔ]	menggali

FONOLOGI DIALEK BUGIS

Fonologi dialek Bugis dapat dibahagikan kepada dua, iaitu melalui vokal dan konsonan. Pengelasan di bawah menunjukkan penyusunan vokal dan konsonan dialek Bugis.

Jadual 8: Penyusunan Vokal Dialek Bugis

Vokal	Pasangan Minimal	Makna dalam bahasa Melayu
[u] [Ø]	[tellu]	'tiga'
	[tellØ]	'telur'
[u] [o]	[tedun]	'payung'
	[tedon]	'kerbau'
[i] [a]	[Kaliki]	'betik'
	[kalaki]	'orang'
[a] [o]	[sappa]	'cari'
	[sappo]	'sepupu'

Berdasarkan pemerolehan data pasangan minimal yang diperoleh, terdapat fonem-fonem vokal bahasa Bugis, iaitu /u/, /Ø/, /o/, /i/ dan /a/. Dari segi huruf konsonan, bahasa Bugis mempunyai huruf konsonan /b/, /c/, /d/, /g/, /j/, /k/, /l/, /n/, /p/, /r/, /s/, /t/, /w/. Huruf konsonan ini berdasarkan dapatan kosa kata dialek Bugis yang diperoleh.

Berdasarkan penerangan di atas, pengkaji telah mengambil beberapa contoh kosa kata yang telah disusun mengikut sebutan fonologinya. Berikut merupakan beberapa kosa kata Bugis dengan fonologinya.

Jadual 9: Fonologi Dialek Bugis

Dialek	Fonologi	Makna
angkalung	[aŋkaluŋ]	bantal
camming	[čammiŋ]	cermin
naalai	[nāālai]	diambil

FONOLOGI DIALEK BANJAR

Bahasa Banjar dapat dibahagikan kepada dua dialek, iaitu dialek Banjar Hulu dan dialek Banjar Kuala. Perbezaan tersebut dapat dilihat dari segi fonologi. Dialek Banjar Hulu hanya terdapat tiga fonem vokal yang tersendiri, iaitu /a/, /i/, /u/, sedangkan pada dialek Banjar Kuala, terdapat enam fonem vokal, iaitu /a/,/i/, /u/, ,/o/, /e/ dan /ə/. Oleh hal yang demikian, dialek Banjar Hulu tidak diketemukan vokal /o/ /e/ taling dan /ə/ pepet (Haji Yustan Aziddin, 1990: 507). Contohnya seperti di bawah:

Jadual 10: Penyusunan Vokal Dialek Banjar

Bahasa Banjar dialek Kuala	Bahasa Banjar dialek Hulu	Bahasa Melayu
/botol/	/butul/	/botol/
/sate/	/sati/	/sate/
/səkolah/	/sakulah/	/səkolah/

Dari segi huruf konsonan, bahasa Banjar mempunyai huruf konsonan /b/, /c/, /d/, /g/, /h/, /j/, /k/, /l/, /m/, /n/, /p/, /r/, /s/, /w/, /y/. Huruf konsonan ini berdasarkan dapatan kosa kata dialek Banjar yang diperoleh.

Berdasarkan penerangan di atas, pengkaji telah mengambil beberapa contoh kosa kata yang telah disusun mengikut sebutan fonologinya. Berikut merupakan beberapa kosa kata Banjar dengan fonologinya.

Jadual 11: Fonologi Dialek Banjar

Dialek	Fonologi	Makna
babanam	[babanām]	bakar
hadang	[hadaŋ]	tunggu
penjanak	[pənĵanā?]	penglihatan

MORFOLOGI DIALEK

Morfologi berasal daripada bahasa Greek, iaitu *morphemics*. Istilah tersebut dipinjam oleh bahasa Inggeris menjadi *morphology*. Istilah *morphology* terbentuk daripada

tiga unsur, iaitu *morph*, *o* dan *logy*. *Morph* membawa pengertian bentuk. *Logy* pula merupakan kata yang berasal daripada kata Yunani "logos" yang bermaksud pengetahuan atau ilmu. Oleh itu, morfologi bermaksud ilmu atau pengetahuan tentang bentuk kata yang menjadi bahan kajian (Ahmad Khair Mohd Nor, 2007: 1).

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur bentuk dan penggolongan kata. Menurut Asmah Hj.Omar (1986:2), morfologi sebagai peninjauan linguistik yang menitikberatkan hubungan di antara morfem-morfem dan varian morfem. Morfologi juga merupakan satu kajian yang menganalisis kata dengan mengenal pasti bahagian-bahagian kata yang lebih kecil dan menggolongkan bahagian-bahagian kata dalam kelasnya. Bentuk yang terkecil dikaji ialah morfem, manakala bentuk yang terbesar ialah kata.

Melalui pengelasan kosa kata dialek yang telah dilakukan, terdapat beberapa perkara yang melibatkan aspek morfologi. Perkara pertama yang pengkaji peroleh ialah pengelasan kosa kata mengikut penggolongan kata, iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Selain itu, pengkaji juga telah mengenal pasti imbuhan-imbuhan yang digunakan dalam setiap dialek. Aspek morfologi yang ingin diperlihatkan ini adalah untuk mengenal pasti dengan lebih lanjut dapatan yang diperoleh daripada pengelasan kosa kata yang dilakukan.

PENGGOLONGAN KATA DIALEK JAWA

Dialek Jawa dapat digolongkan kepada tiga golongan kata, iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Jadual di bawah menunjukkan penggolongan kata bagi dialek Jawa.

Jadual 12: Penggolongan Kata Dialek Jawa

Penggolongan Kata	Kosa kata
Kata Nama	ajang = bekas balei = balai centong = senduk lauk dongo = doa endas = kepala
Kata Kerja	hoyop = hirup isep = hisap jengkel = merajuk kampleng = tampar loro = sakit
Kata Adjektif	macet = kecut ngero = bohong onggrong = ampu pantes = elok risih = rimas

PENGGOLONGAN KATA DIALEK BUGIS

Dialek Bugis dapat digolongkan kepada tiga golongan kata, iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Jadual di bawah menunjukkan penggolongan kata bagi dialek Bugis.

Jadual 13: Penggolongan Kata Dialek Bugis

Penggolongan Kata	Kosa kata
Kata Nama	acca = ilmu baine = isteri cangkiri = cawan dacculi = telinga eppa = empat
Kata Kerja	gatteng = tarik iso = hisap jokka = jalan kasiasi = melarat lanro = pukul
Kata Adjektif	macai = marah nyanmeng = enak pella = panas sonar = senget tadde = keras

PENGGOLONGAN KATA DIALEK BANJAR

Dialek Banjar dapat digolongkan kepada tiga golongan kata, iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Jadual di bawah menunjukkan penggolongan kata bagi dialek Banjar.

Jadual 14: Penggolongan Kata Dialek Banjar

Penggolongan Kata	Kosa kata
Kata Nama	abah = ayah banyu = air cacak = cicak dawa = dakwa ekong = orang
Kata Kerja	gawi = kerja hayongkok = membongkok igal = joget jamur = jemur kajal = menyumbat
Kata Adjektif	lamak = gemuk macal = degil nyaman = segar omah = cerewet rapuk = rangup

SINTAKSIS DIALEK

Sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan atau konstruksi ayat. Hal ini bermakna, bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat. Dalam bidang sintaksis, terdapat beberapa jenis ayat, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah, ayat silaan dan ayat seruan. Melalui kajian kosa kata yang telah dilakukan, pengkaji telah membina beberapa jenis ayat untuk mempelbagaikan binaan ayat dalam setiap dialek. Pengkaji telah menggunakan ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah, ayat silaan dan ayat seruan dalam membina ayat berdasarkan kosa kata dialek yang telah dikaji.

DIALEK JAWA

Dialek Jawa telah diberikan kepada beberapa jenis pengelasan ayat, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat silaan. Jadual di bawah menunjukkan pengelasan ayat bagi dialek Jawa.

Jadual 15: Jenis Ayat Dialek Jawa

Jenis Ayat	Kosa Kata Dialek
Ayat Penyata	**amblong** [amblon] bolos: *penjenayah itu telah berjaya ~ daripada tahanan.*
Ayat Tanya	**gupruk** [gupru?] sibuk: *"awak ~ atau tidak hari ini?" tanya Kamal kepada Aini*
Ayat Perintah	**cangking** [čaŋkiŋ] bimbit: *"tolong ~ beg tangan saya,"pinta Aini kepada Ana.*
Ayat Silaan	**gotong** [gotoŋ] angkat: *sila ~ telefon itu sekarang.*
Ayat Seruan	**ireng** [irəŋ] hitam: *wah, cantiknya kereta yang berwarna ~ itu !*

DIALEK BUGIS

Dialek Bugis boleh dikategorikan kepada beberapa jenis pengelasan ayat, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat silaan. Jadual di bawah menunjukkan pengelasan ayat bagi dialek Bugis.

Jadual 16: Jenis Ayat Dialek Bugis

Jenis Ayat	Kosa Kata Dialek
Ayat Penyata	**ana'**[ana?] anak: *Pak Deris mempunyai 10 orang ~.*
Ayat Tanya	**bola** [bola] rumah: *"di manakah letaknya ~ Mak Cik Limah?" tanya Hafiz kepada Hanim.*
Ayat Perintah	**cangkiri** [čaŋkiri] cawan: *"tolong cuci ~ ini dengan segera," perintah Nani kepada Umi.*
Ayat Silaan	**tudang** [tudaŋ] duduk: *sila ~ di ruang yang disediakan.*
Ayat Seruan	**tinro** [tinro] tidur: *amboi, cantiknya anak dara baru bangun ~!*

DIALEK BANJAR

Dialek Banjar boleh dikategorikan kepada beberapa jenis pengelasan ayat, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat silaan. Jadual di bawah menunjukkan pengelasan ayat bagi dialek Banjar.

Jadual 17: Jenis Ayat Dialek Banjar

Jenis Ayat	Kosa Kata Dialek
Ayat Penyata	**haragu** [haragu] pelihara: *Chong ~ 13 ekor kucing.*
Ayat Tanya	**kandal** [kandal] tebal: *"adakah selimut ini ~ atau nipis," tanya Yati kepada Hamid.*
Ayat Perintah	**limpar** [limpar] lempar: *" tolong ~ sahaja fail-fail ini keluar," arah Tuan Nazmi kepada pekerjanya.*
Ayat Silaan	**ngaran** [ŋaran] nama: *sila semak ~ anda pada buku pendaftaran ini.*
Ayat Seruan	**sunduk** [sundu?] kunci: *wah, besarnya ~ basikal yang dibeli oleh ayah!*

SEMANTIK DIALEK

Bidang yang mengkaji dan menganalisis makna kata dan ayat dikenali sebagai bidang semantik. Semantik juga dikatakan sebagai unit ujaran yang bebas dan mempunyai makna. Perkataan semantik berasal daripada perkataan Greek *"semantikos"* yang membawa maksud erti yang penting. Menurut Abdullah Hassan (1992: 1) semantik ialah

istilah yang merujuk kepada kajian makna. Oleh sebab makna ini adalah sebahagian daripada bahasa, maka semantik juga merupakan sebahagian daripada linguistik. Kajian makna kata dalam bahasa Melayu menurut sistem penggolongan semantik adalah cabang linguistik yang berperanan semata-mata meneliti makna kata, bagaimana asal mulanya, bahkan bagaimana perkembangannya dan apakah sebab-sebab yang terjadi perubahan makna dalam sejarah bahasa.

Selain itu, semantik adalah satu istilah teknikal yang merujuk kepada kajian makna. Menurut Raminah Haji Sabran dan Rahim Syam (1985: 262), mereka menyatakan bahawa semantik adalah satu bidang dalam kajian linguistik yang mengkaji makna. Oleh sebab bahasa itu digunakan untuk berbagai-bagai kegiatan dan keperluan dalam kehidupan bermasyarakat, maka makna bahasa juga menjadi pelbagai jika dilihat dari segi dan pandangan yang berbeza. Pelbagai jenis nama yang telah dikemukakan oleh pakar-pakar linguistik atau semantik.

Melalui kajian kosa kata dialek yang telah dilakukan, pengelasan kosa kata bagi setiap dialek biasanya mempunyai satu makna dan terdapat juga kata yang mengandungi dua hingga tiga makna. Terdapat dua jenis makna yang akan diperlihatkan dalam dapatan ini, iaitu makna leksikal dan makna gramatikal. Makna leksikal ialah makna yang sebenarnya, makna yang sesuai dengan hasil pemerhatian kita atau makna yang terdapat dalam kamus. Manakala makna gramatikal ialah bidang kajian semantik yang mengkaji makna yang hadir akibat adanya proses gramatikal seperti pengimbuhan, penyisipan, penggandaan dan pemajmukan. Berdasarkan dua jenis makna ini, pengkaji dapat mengelaskan kosa kata yang mempunyai makna leksikal dan makna gramatikal mengikut dialek.

DIALEK JAWA

Dialek Jawa telah diberikan kepada dua jenis makna, iaitu leksikal dan gramatikal. Jadual di bawah menunjukkan pengelasan makna bagi dialek Jawa.

Jadual 18: Jenis Makna Dialek Jawa

Jenis makna	Kosa kata
Leksikal	andang = obor daun kelapa bapak = ayah ceret = cerek
Gramatikal	degol = berbenjol ila-ilanea = kepercayaan tepleset = tergelincir

DIALEK BUGIS

Dialek Bugis telah diberikan kepada dua jenis makna, iaitu leksikal dan gramatikal. Jadual di bawah menunjukkan pengelasan makna bagi dialek Bugis.

Jadual 19: Jenis Makna Dialek Bugis

Jenis makna	Kosa kata
Leksikal	addeng = tangga bembala = keldai cindolo = cendol
Gramatikal	dendang = nyanyian gura = berteriak joli = cirit-birit

DIALEK BANJAR

Dialek Banjar telah diberikan kepada dua jenis makna, iaitu leksikal dan gramatikal. Jadual di bawah menunjukkan pengelasan makna bagi dialek Banjar.

Jadual 20: Jenis Makna Dialek Banjar

Jenis makna	Kosa kata
Leksikal	acan = belacan baah = banjir cangkir = cawan
Gramatikal	diparung = dipanggang gagahap = terbuka hayongkok = membongkok

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatan yang diperoleh ini merupakan hasil usaha pengkaji untuk mencapai objektif kajian. Kajian terhadap dialek Melayu ini merupakan salah satu langkah yang murni dalam usaha untuk mengekalkan jati diri dan warisan leluhur supaya variasinya dapat dikembangkan kepada generasi muda. Berdasarkan dapatan yang diperoleh ini juga, kamus dialek-dialek Melayu dapat dilaksanakan. Dialek-dialek Melayu yang terdapat di Malaysia perlu dikamuskan supaya perkamusan ini dapat menjadi bahan rujukan kepada masyarakat umum. "Kamus Dialek Melayu" akan menjadi rujukan utama bagi masyarakat Melayu atau bukan Melayu bagi memahami sesuatu makna kosa kata

dialek. Kamus ini juga amat berguna dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah atau universiti. Kamus ini juga akan menjadi satu alternatif bagi penggubal peristilahan baru khususnya yang melibatkan peristilahan sains. Kosa kata dialek boleh dijadikan perkataan yang dapat mengungkap makna sesuatu istilah baharu dalam pelbagai bidang. Kita tidak lagi terlalu bergantung kepada bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris semasa mencipta sesuatu peristilahan baharu.

BIBLIOGRAFI

Abdullah Hassan, 1983. *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia.* Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Abdullah Hassan, 1983. *Rencana Linguistik.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Hassan, Hasmah Ibrahim dan Mashudi Kader, 1987. *Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Malaysia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Hassan, 1992. *Semantik.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Abdullah Hassan, 1993. *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia.* Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Abdul Hamid Mahmood, 1982. "*Morfologi Dialek Kelantan.*" *Dewan Bahasa* Jilid 26. Bil. 8-9, Ogos/ September.

Abdul Hamid Mahmood, 1994. *Sintaksis Dialek Kelantan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Abdul Hamid Mahmood et.al, 1995. *Tinjauan Pelaksanaan Dasar Bahasa dalam Sistem Pendidikan Negara di Peringkat Sekolah.* Kuala Lumpur: City Reprographic Service.

Abdul Hamid Mahmood, 2006. *Sintaksis Dialek Kelantan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Hamid Mahmood dan Nurfarah Lo Abdullah, 2007. *Linguistik Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu.* Kuala Lumpur: Aslinta Sdn. Bhd.

Alias Mohd Yatim, 1992. *Fonetik dan Fonologi.* Kulim: Penerbitan Sarlis.

Ahmad Khair Mohd Nor, 2007. *Pembentukan Kata dalam Bahasa Melayu.* Kuala Lumpur : Pustaka Salam Sdn. Bhd.

Annuar Ayub, 1990. *Dialektologi.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar, 1977. *Kepelbagaian Fonologi Dialek-Dialek Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Asmah Haji Omar, 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa.

Asmah Haji Omar, 1986. *Kajian dan Perkembangan Bahasa Melayu*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.

Asmah Haji Omar, 1992. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar, 1986. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar, 1987. *Perkamusan Melayu Satu Penelitian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Asmah Haji Omar, 1993. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Collins T. James, 1989. *Kajian Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Collins T. James, 1990. "Penyelidikan dialek Melayu di Malaysia: Isu Perspektif" dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, 2 (7), 580-589.

Collins T. James, 1996. *Khazanah Dialek Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Darwis Harahap, 1992. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Melayu*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Darwis Harahap, 1991. *Peristiwa Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Farid M. Onn dan Ajib Che Kob, 1988. *Simposium Dialek Penyelidikan dan Penyelidikan: Siri Monograf Sejarah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Haji Yustan Aziddin, 1990. "Bahasa Banjar: Kedudukan dan Fungsinya" dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, 2 (7), 506-512.

Ibrahim Ahmad, 1992. "Sejarah Perkamusan Melayu" dalam *Pelita Bahasa*, 2 (7), 38-39.

Ibrahim Ahmad, 1994. *Perkamusan Melayu Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibrahim Ahmad, 2005. *Perkamusan Melayu Teori dan Amali*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Kamaruddin Hj. Husin et al, 1997. *Pengajian Melayu 3 Komunikasi Bahasa*. Selangor: L. C. Marketing.

Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Nik Safiah Karim, 1980. "Pencemaran Bahasa Malaysia dan Kesannya Terhadap Pembelajaran Bahasa Malaysia". *Dewan Bahasa*, Jun. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Nik Safiah Karim, 1986. *Bahasa Melayu Persoalan dan Pergolakan*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House Sdn. Bhd.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa dan Abdul Hamid Mahmod, 1987. *Tatabahasa Dewan*: Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Ruminah Haji Sabran dan Rahim Syam, 1985. *Kajian Bahasa untuk Pelatih Maktab Perguruan*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ruminah Haji Sabran, 1989. *Kecekapan Berkomunikasi dalam Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Zaharani Ahmad, 1989. "*Dialektologi Generatif dan Kepelbagaian Dialek Melayu*". *Dewan Bahasa*, Jilid 33, Bil. 6. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.